



**JABATAN KEJURUTERAAN  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA,  
14000 BUKIT MERTAJAM**

**JP 1**

<b>BORANG SEMAKAN PELAN JALAN DAN PARIT</b>		TEL : 04-5497635 FAX : 04-5497621
<b>DIISI OLEH PERUNDING</b>		
SURAT KAMI : _____ SURAT TUAN: _____ TAJUK CADANGAN :		TARIKH : _____
PEMAJU : _____ ALAMAT : _____		
NO TEL :	FAX :	E-MAIL :
PERUNDING : _____ ALAMAT : _____		
NO TEL :	FAX :	E-MAIL :
_____	_____	_____
Nama J/ Perunding	No. Kad Pengenalan	Tandatangan

BIL	PERKARA	PETUNJUK	
		Semakan Perunding	Semakan OSC
A	<b>KEHENDAK- KEHENDAK BERIKUT PERLU LAH DITUNAIKAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM MENGEMUKAKAN PERMOHONAN</b>		
	<b>SYARAT-SYARAT UMUM</b>		
1.	Sediakan ruang kosong bersaiz 15 x 10cm dipenjuru atas kanan untuk kegunaan Jabatan		
2.	Pelan-pelan teratur dan diikat dengan kemas dengan menggunakan ' fastener plastic'		

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (- ) Tidak Berkaitan	
		Semakan Perunding	Semakan OSC
3.	Dicatitkan fail rujukan jabatan kejuruteraan ( ) dlm MPSP/50/10-..... dicatatkan atas pelan disebelah kanan		
4.	Nama Skim/No. Lot/Daerah/Mukim		
5.	Nama dan Alamat Pemaju		
6.	Tandatangan Pemaju		
7.	Nama dan Alamat Jurutera Perunding		
8.	Tandatangan / Cop Jurutera Perunding		
9.	Alamat dan tandatangan tuan tanah dan pemilik bangunan perlulah diturunkan di atas pelan		
10.	Kemukakan satu set kiraan hidraulik bagi menentukan keluasan setiap parit didalam cadangan pembangunan/cadangan kolam tadahan		
11.	Pelan yang dikemukakan dalam unit metrik mengandungi: (a) Keratan memanjang jalan serta perincian (b) Keratan memanjang parit serta perincian (c) Keratan memanjang pejalan kaki serta perincian (d) Keratan memanjang bebendul jalan serta perincian (e) Keratan memanjang kotak pembentung serta perincian (f) Perincian pagar pengadang' (g) Perincian jeriji keluli (h) Perincian patil nama jalan (i) Perincian dan dimensi tempat letak kereta		
12.	Kemukakan pelan lokasi kunci, tapak yang lengkap dan mudah dikenalpasti kedudukan tapak projek		

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan																							
		Semakan Perunding	Semakan OSC																						
13.	<p>Pelan Jalan Parit diwarnakan seperti berikut :-</p> <table border="0"> <tr> <td>(a) Bangunan cadangan</td> <td>Merah muda</td> </tr> <tr> <td>(b) Parit</td> <td>Biru</td> </tr> <tr> <td>(c) Pembentung/Jambatan</td> <td>Merah Tua</td> </tr> <tr> <td>(d) Kawasan cadangan berumput</td> <td>Hijau Muda</td> </tr> <tr> <td>(e) Jalan yang diserahkan kepada Kerajaan</td> <td>Kuning</td> </tr> <tr> <td>(f) Sempadan Lot</td> <td>Merah</td> </tr> <tr> <td>(g) Struktur cadangan konkrit</td> <td>Hijau Tua</td> </tr> <tr> <td>(h) Tempat letak kereta, laluan jalan kaki yang diserahkan kepada MPSP</td> <td>Oren</td> </tr> <tr> <td>(i) Jalan sediada</td> <td>Hitam</td> </tr> <tr> <td>(j) Jalan dalaman yang tidak diserahkan</td> <td>Coklat</td> </tr> <tr> <td>(k) Lain-lain struktur</td> <td>Lain-lain warna</td> </tr> </table>	(a) Bangunan cadangan	Merah muda	(b) Parit	Biru	(c) Pembentung/Jambatan	Merah Tua	(d) Kawasan cadangan berumput	Hijau Muda	(e) Jalan yang diserahkan kepada Kerajaan	Kuning	(f) Sempadan Lot	Merah	(g) Struktur cadangan konkrit	Hijau Tua	(h) Tempat letak kereta, laluan jalan kaki yang diserahkan kepada MPSP	Oren	(i) Jalan sediada	Hitam	(j) Jalan dalaman yang tidak diserahkan	Coklat	(k) Lain-lain struktur	Lain-lain warna		
(a) Bangunan cadangan	Merah muda																								
(b) Parit	Biru																								
(c) Pembentung/Jambatan	Merah Tua																								
(d) Kawasan cadangan berumput	Hijau Muda																								
(e) Jalan yang diserahkan kepada Kerajaan	Kuning																								
(f) Sempadan Lot	Merah																								
(g) Struktur cadangan konkrit	Hijau Tua																								
(h) Tempat letak kereta, laluan jalan kaki yang diserahkan kepada MPSP	Oren																								
(i) Jalan sediada	Hitam																								
(j) Jalan dalaman yang tidak diserahkan	Coklat																								
(k) Lain-lain struktur	Lain-lain warna																								
<b>B</b>	<b><u>DI CATITKAN SEBAGAI NOTA DI ATAS PELAN</u></b>																								
1.	<p>Mengakui akan mengemukakan</p> <p>a) pelan <b>2 salinan pelan</b> binaan sebenar (as built ) serta. cd-rom dalam format Autocad terkini/Shp.File/GIS serta dalam format PDF bagi jalan dan parit.</p> <p>b) CD Rom bagi Pelan Kebenaran Merancang berlulus (format PDF)</p> <p>c) CD Rom bagi Pelan Jalan Parit berlulus (format PDF)</p> <p>d) CD Rom bagi Pelan Lampu Jalan berlulus (format PDF) sebelum CCC di keluarkan.</p> <p>e) 1 salinan lengkap pelan 'blue print atau seumpamanya , tracing' dan CD-Rom dalam format Autocad terkini/Shp.File/GIS serta PDF untuk tujuan penyenggaraan bagi cadangan pembinaan gerai, pasar, dewan orang ramai dan tadika yang diserahkan</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pelan tatasusunan</li> <li>Pelan Bangunan</li> <li>Pelan Konkrit Tetulang</li> <li>Pelan Bekalan Air</li> <li>Pelan Pemasangan Elektrik</li> <li>Pelan Pembentungan (Sewarage)</li> <li>Borang kontrak TNB ( Berasingan )</li> <li>Surat tiada halangan OC dari TNB</li> <li>Surat tiada halangan OC dari PBA</li> </ol>																								

2.	Mengakui akan mengisi dan mengemukakan cd-rom dalam format Autocad terkini/Shp.File/GIS dan <b>2 set</b> borang ringkasan maklumat jalan parit ( Borang 'Marris' ) sebelum CCC di keluarkan		
3.	Pemohon mengaku akan membayar caruman sumbangan pamaritan sebanyak <b>RM 50,000.00</b> seekar berdasarkan keluasan kawasan pembangunan. Pemohon perlu mengemukakan Hak Milik Tanah/Pelan Ukur berserta cara pengiraan yang disahkan oleh Jurukur berlesen untuk cadangan yang berkenaan supaya sumbangan pamaritan dapat dikira / sebelum kelulusan . Bagi rumah kos rendah pemohon perlu menyertakan surat pengesahan daripada Pejabat Perumahan Negeri terlebih dahulu untuk tujuan pengecualian caruman pamaritan. Bayaran perlu dijelaskan sebelum sijil layak menduduki/Borang G17 atau CCC di keluarkan.		
4.	Pemohon bersetuju tidak akan memulakan kerja ke atas jalan dan parit sebelum Kelulusan Pelan Jalan Dan Parit.		
5.	Jurutera Perunding hendaklah mengesahkan perkara-perkara berikut:- Saya dengan ini mengesahkan bahawa butir – butir konkrit tetulang yang mengemukakan adalah mengikut kehendak-kehendak 'British Standard Code of Practise CP 114 ( 1957)/CP 110/BS 8110 dan saya menerima segala tanggungjawab sepenuhnya ke atas rekabentuk dan pengawasan kerja keatasnya'.CP 108		
6.	Semua paras yang di tunjukkan di atas pelan adalah selaras dengan Paras Ordinan Ukur ( S.O.D ) yang dicatit/ditunjuk di atas pelan. Jurukur berlesen / Jurutera Perunding dikehendaki mengesahkan paras tanah yang ditambun bagi tapak cadangan pembangunan mestilah ke paras minima <b>+ 2.130</b> atau lebih dengan memastikan paras tersebut selamat daripada banjir		
7.	Parit konkrit yang dibina hendaklah dicuci sehingga ke tempat pembuangan yang sesuai untuk mendapatkan pengaliran air yang sempurna sebelum CCC dikeluarkan.		
8.	Kawasan rezab jalan di tepi Jalan perlu ditambun, diratakan, dipadatkan dan ditanam rumput		

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan	
		Semakan Perunding	Semakan OSC
9.	Pemohon bertanggungjawab memastikan parit sediada tidak terkambus dan air sentiasa dapat mengalir dengan sempurna. Pemohon juga bertanggungjawab memastikan pengaliran air oleh lot-lot bersebelahan tidak terjejas akibat pembangunan ini		
10.	Pemohon perlu memaklumkan kepada Jabatan Kejuruteraan sebelum kerja-kerja pembinaan parit monsoon atau parit konkrit selebar 1200mm.		
11.	Ukuran minima untuk parit konkrit yang di cadangkan mestilah tidak kurang dari 300mm lebar dan 300mm dalam bagi permulaan parit.		
12.	Jurutera perunding hendaklah mengesahkan kekukuhan, kestabilan tembok penahan yang di cadangkan		
13.	Apabila kerja-kerja pembinaan telah siap dijalankan pemohon dikehendaki bertanggungjawab memperbaiki/memulihkan jalan/bebendul ( kerb ) parit dan lain-lain yang telah dirosakkan semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan kepada kepuasan pihak MPSP .		
14.	Pemohon bertanggungjawab menimbus kawasan takungan air yang tidak digunakan serta memusnahkan tong-tong kosong supaya mengelakkan daripada pembiakan nyamuk		
15	Kabel / paip bersaiz besar yang merentangi parit perlu di tinggikan melebihi tebing parit. Untuk kabel /paip bersaiz kecil dan pembentung najis ia perlu di letakkan di bawah parit.		
16	Pemohon perlu memastikan air tidak bertakung di dalam parit,kotak takungan serta pembentung dan air dapat mengalir dengan sempurna		
17	Pemohon di kehendaki membersihkan dan membaikpulih kawasan lot bersebelahan dan di hadapan lot sehingga ke kepuasan tuan punya/pemilik berkenaan		

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan	
		Semakan Perunding	Semakan OSC
18	Meninggikan/merendahkan penutup lurang jika perlu supaya parasnya sama dengan paras permukaan jalan/lorong dan memperbaiki bahagian jalan yang berkenaan.		
19	Jalan- jalan sediada dari jalan utama yang melalui tapak pembangunan tidak di benarkan di tutup sehingga jalan alternatif di sediakan terlebih dahulu		
20	Pemohon hendaklah mencadangkan lubang terbuka ( gaps ) pada tebing parit dengan jarak 3 meter tiap-tiap satu untuk pengaliran air larian di atas permukaan jalan.		
21	Cadangan parit tertutup yang di benarkan ialah bersaiz 900mm dan ke atas . Bagi cadangan parit kurang daripada 900mm adalah tidak di benarkan		
22	Paras tebing parit yang sediada perlulah ditinggikan ke paras Permukaan tanah yang ditambun		
23	Tempat meletak kereta tersebut hendaklah mempunyai tebing parit yang ditinggikan dari permukaan jalan. Ketinggian tebing tidak kurang dari 150mm.		
24	Penyaluran terus air larian (run-off-water) daripada tapak cadangan ke dalam parit konkrit ditepi jalan tidak dibenarkan. Air larian hendaklah masuk ke dalam parit perimeter sebelum disalurkan ke parit outfall/parit tepi jalan.		
25	Sediakan susur jalan (kerb) mengikut rekabentuk dan spesifikasi JKR		
26	Setiap permohonan PKM/BGN/JP perlu di rekabentuk berpandukan kepada rekabentuk sejagat ( Universal Design)		
27	Pemohon dikehendaki menaiktaraf jalan dan bahu jalan sediada di sekeliling lot cadangan pembangunan pemohon.		

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan	
		Semakan Perunding	Semakan OSC
C	<b><u>DICATIT SEBAGAI NOTA DAN DISERTAKAN BUTIRAN TERPERINCI DI ATAS PELAN</u></b>		
28	Pemohon bertanggungjawab menyediakan pagar pengadang dari jenis besi G.I paip kelas 'B' ditepi parit yang luasnya melebihi 1200mm dan lebih atau kedalaman melebihi 900mm mengikut spesifikasi Majlis		
29	Semua parit tidak dibenarkan di adakan 'structs'		
30	Sila kemukakan butiran terperinci patil nama jalan mengikut spesifikasi MPSP dan pelan lokasi nama jalan yang telah siap ke Jabatan Kejuruteraan untuk semakan sebelum kerja-kerja pemasangan dijalankan ditapak		
31	Pemohon dikehendaki membina parit-parit konkrit bersaiz minima 1200mm berhadapan dengan lotnya dan selepas itu memperbaiki dan menaikkan taraf parit tanah sediaada atau mengorek sebatang parit tanah sehingga ke tempat buangan yang sesuai.		
32	Pemohon perlulah menanam semula rumput bagi semua kawasan tanah yang terbuka/terdedah termasuk kawasan rumah, hendaklah dilindungi dengan rumput "cow grass", bagi kawasan cerun ditanam secara rapat "close turfing" dan bagi kawasan rata ditanam secara jarang "spot turfing" bagi mencegah hakisan permukaan.		
33	Pemohon dikehendaki membina pondok bas berserta bas 'lay by' berhadapan lot untuk setiap arah atau menaiktaraf pondok bas sediaada di mana-mana tempat di Seberang Perai		
34	Cadangan bahu jalan hendaklah dari jenis 'concrete imprint' / 'broom finish'.		
35	Mengikut rekabentuk 'Universal Design' laluan pejalan kaki minimum selebar 1.5m perlu disediakan  Perincian bagi 'ramp' dan cadangan 'tac tile' perlu di tunjukkan di atas pelan		

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan	
		Semakan Perunding	Semakan OSC
36	Cadangan parit erong ( scupper pipe ) berdiameter minima 200mm bagi jalan di dalam kawasan perumahan.		
37	Untuk kawasan yang rata, Jurutera Perunding hendaklah memastikan panjang parit sebenar bagi keseluruhan parit di tepi jalan hingga ke tempat buangan yang terdekat berserta paras-paras parit yang dicadangkan supaya air buangan dari kawasan di sebelah bahagian atas lot-lot berkenaan dapat mengalir dengan baik melalui parit-parit yang dicadangkan hadapan lot-lot tersebut. Untuk ini adalah dicadangkan agar kecuraman parit-parit yang dicadangkan itu boleh mempunyai kecuraman yang bersesuaian seperti 1:600, 1:800, 1:1000 dan di selaraskan dengan kelajuan air yang dibenarkan berpandukan Formula " Manning" iaitu tidak kurang dari 600mm/saat bagi parit tanah/konkrit dan tidak melebihi 900mm/saat bagi parit tanah.		
38	Bagi kawasan berbukit kecuraman parit-parit konkrit yang di cadangkan perlulah tidak melebihi 1:80 untuk mengelakkan dari hakisan. Jika melebihi dari itu, parit jenis kasked atau parit bertangga boleh di sesuaikan dengannya Untuk mendapatkan kecuraman yang dibenarkan, perkiraan untuk mendapat kecuraman parit-parit yang dicadangkan, perlu dibuat berdasarkan Formula "Manning" dengan kelajuan aliran air tidak melebihi 10 kaki/saat		
39.	Semua parit-parit yang dicadangkan serta parasnya perlulah direkabentuk agar ianya dapat / boleh disambungkan dengan parit yang akan dibina kemudiannya. Dengan ini, paras-paras tanah/parit di kawasan sekeliling perlulah diambil kira dalam penyediaan rekabentuk kepada parit-parit yang dicadangkan. Parit-parit di tepi jalan berhadapan dengan lot berkenaan dibina dengan konkrit dan disesuaikan dengan rekabentuk seperti berikut:- Lebar : Paras : Kecerunan Parit		



BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan	
		Semakan Perunding	Semakan OSC
40.	Sediakan perangkap minyak/sampah/ kelodak c/w trash screen lengkap dengan 'concrete perforated trough' dipenghujung parit sebelum menyalur ke parit buangan utama. Sekiranya dipasang dalam air tawar ianya perlu di buat dari besi keluli tahan keluli lembut bersadur zinc kelas C. Jika digunakan dalam air masin ianya perlu dipebuat dari besi keluli tahan karat. Besi tersebut perlu di pasang dalam jarak sekurang-kurangnya 50mm c/c. Sila kemukakan butir-butir lengkap.		
41.	Pemohon dikehendaki mengemukakan pelan laluan utiliti untuk pertimbangan MPSP sebelum/semasa mengemukakan pelan Jalan Dan Parit.		
42.	Bagi kolam tadahan yang telah siap dibina dan yang yang diserahkan kepada kerajaan, pemaju dikehendaki menyelenggara selama ( 1 ) satu tahun bermula dari tarikh pemberian Perakuan Siap Dan Pematuhan yang dikeluarkan oleh MPSP.		

Untuk semakan OSC :

Permohonan tuan dikembalikan kerana tidak menunaikan syarat-syarat pengemukaan.

Permohonan diterima (Kelulusan permohonan ini mesti tertakluk kepada syarat-syarat teknikal dan syarat-syarat lain).

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_